



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

GURU (G.8)

**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



GURU
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
G.8 (\$1,600 - \$3,260 EB KHAS \$3,345 - \$3,685 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Al-Quran / Al-Quran dan Qiraat / Hafazan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.6 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.2 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.6 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi pemohon yang bukan mengikuti Program Pendidikan atau belum mempunyai Sijil Latihan Perguruan / Diploma Pendidikan sekiranya dilantik ke jawatan ini adalah dikehendaki untuk mengikuti latihan perguruan bagi mendapatkan Sijil Pendidikan Lepasan Ijazah / Diploma Pendidikan / Sijil Latihan Perguruan dalam tempoh percubaan 3 tahun mulai tarikh dilantik ke jawatan ini.
 3. Mempunyai Sijil Khatam Hafaz Al-Quran 30 Juzu' oleh mana-mana institusi yang diiktiraf.
 4. Lulus ujian tasmie' 10 Juzu' atau 20 Juzu' atau 30 Juzu' daripada Lembaga Tasmie' Tertinggi Negara Brunei Darussalam adalah kelebihan.
 5. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris dengan baik.
 6. Keutamaan akan diberikan kepada calon **Perempuan**.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memberikan pengajian / tasmie' dalam hafazan Al-Quran;
2. Merancang, meneliti, melaksanakan dan memantau hafazan Al-Quran pelajar-pelajar;
3. Memastikan pelaksanaan kurikulum / sukatan pelajaran dilaksanakan dengan teratur;
4. Menjadi tenaga pengajar hafazan Al-Quran;
5. Menyediakan rancangan mengajar tahunan dan harian; dan
6. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengetua dari semasa ke semasa.